

Jangan bandingkan keterampilan Anwar dengan PM lain di UNGA

Kemunculan sulung Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di pentas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78 di New York pada Jumaat boleh dianggap sebagai kebanggaan bagi seluruh rakyat Malaysia.

Tampil dengan berbaju Melayu, bersamping dan bersongkok, Belalang lihat Perdana Menteri berjaya menonjolkan aura kepemimpinannya kepada dunia dengan membangkitkan pelbagai isu global penting perlu ditangani masyarakat dunia.

Paling penting, segala perkara dibangkitkan Anwar menerusi Kenyataan Negara itu adalah perkara sensitif seperti Islamofobia, pencerobohan Israel di Palestin, kepentingan mempromosi dan melaksanakan keadilan sejagat demi kepentingan global.

Apa yang penting, Perdana Menteri bukan saja lantang menyatakan pendirian Malaysia dalam isu antarabangsa, bahkan menjelaskan konsep dan prinsip Malaysia MADANI menerusi teguran terkandung dalam ucapannya.

Lain pemimpin, lain pembawaan corak kepimpinan dan keperibadian. Belalang fikir tidak wajar jika ada pihak membandingkan pembawaan dan dasar ditonjolkan Anwar di pentas antarabangsa dengan Perdana Menteri ke pentas UNGA sebelum ini.